



PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL. 3 / 2022
PADA 30 MAC 2022 (RABU) JAM 9.00 PAGI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB :
 - i) YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban ;
 - ii) YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah ;
 - iii) YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng ;
 - iv) YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya ;
 - v) YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau ;
 - vi) YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang ;
 - vii) YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
 - viii) YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.
4. Terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai - pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi kepada Majlis bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berjalan lancar dan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Insyallah dalam masa beberapa hari lagi kita akan melangkah ke Bulan Ramadhan. Marilah kita bersama-sama memohon agar diberikan kesempatan dan kesihatan yang baik untuk bertemu lagi dengan Ramadhan kali ini, bulan keberkatan dan bulan seribu rahmat. Saya ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan kepada semua yang menyambutnya dan diharap kita semua dapat meningkatkan lagi amalan terutamanya pada malam-malam terakhir ramadhan dengan bersolat terawih, membaca al-quran, dan berqiamulai iaitu dengan menghidupkan amalan malam.

6. Pada tahun ini Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan bahawa tiada Prosedur Operasi Standard (SOP) khusus untuk solat terawih sebaliknya hanya menggunakan garis panduan yang sedia ada. Antara SOP sedia ada pelaksanaan solat berjemaah di masjid dan surau pada masa ini adalah semua ahli jemaah yang hadir hendaklah membawa sejadah masing-masing sebelum hadir ke masjid selain jemaah diwajibkan memakai pelitup muka. SOP ini adalah bersesuaian dengan pengumuman yang telah dilakukan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri bahawa Malaysia akan melangkah ke fasa endemik mulai 1 April 2022. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) turut mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Aktiviti di Masjid, Surau Jumaat dan Surau bagi Negeri Sembilan dalam fasa peralihan ke endemik bermula 1 April 2022.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. *Gary Burnison* dalam buku beliau bertajuk "*Leadership Journey : How to Master the Four Critical Areas of being a Great Leader*" telah menyebut bahawa "*The journey is never about the leader, but it starts with the leader. Along the way, the leader is the motivator, navigator and guide : charting the course, setting the pace, and changing direction when necessary.*" Justeru itu saya menyeru Ahli-Ahli Majlis dan Barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit untuk menjadi pemimpin yang boleh diteladani oleh kakitangan di peringkat bawahan.

8. Apabila menyentuh perkara ini, saya terpanggil untuk turut menyentuh mengenai amalan atau tindakan 'pejuang papan kekunci' atau *keyboard warrior*. Kumpulan ini gemar membuat catatan negatif atau kata-kata kurang baik mengenai agensi sendiri mahupun Kerajaan dalam pelbagai medium media sosial. Kata-kata atau berita yang dinyatakan belum tentu kesahihannya kemudian menjadi tular dalam masyarakat. Saya amat berharap warga Bandaraya Seremban tidak menjulang budaya konfrontasi dan berusaha untuk meningkatkan amalan konsultasi.

9. Saya menyeru warga Bandaraya Seremban tidak terlibat dalam perkara yang tidak sihat seumpama ini. Semoga kita tergolong dalam kumpulan orang yang suka bercakap yang baik-baik dan lebih baik berdiam diri daripada berkata-kata yang boleh memudaratkan diri sendiri. Sehubungan dengan itu kita perlu fikir yang baik-baik, berbicara yang baik-baik dan tanamkan juga ideologi hebat agar akhirnya pemikiran dan kepercayaan ini mampu menjadi titian kepada kegemilangan Majlis bandaraya Seremban. Insya Allah yang baik-baik dan yang hebat-hebat sahaja yang akan datang kepada kita.

LAWATAN TURUN PADANG SEMPENA PENYERAHAN SIAP PROJEK TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TTPM) KEPADA PIHAK BADAN PENGURUSAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Pada 10 Februari 2022 yang lalu saya telah mengadakan lawatan turun padang ke skim pemajuan strata yang telah diluluskan dan siap dilaksanakan program baik pulih Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) bagi tahun pelaksanaan 2021. Butiran skop projek adalah seperti dipaparan.

11. Lawatan tersebut turut dihadiri oleh YB Tuan Yap Yew Weng (ADUN Mambau) dan YB Tuan Chew Seh Yong (ADUN Lobak), Pengarah Kejuruteraan, Ketua Unit dan pegawai-pegawai Majlis Bandaraya Seremban. Semasa lawatan tersebut, saya telah menyerahkan plak simbolik siap projek kepada pengerusi perbadanan pengurusan di Rumah Pangsa Taman Berlian Blok A dan B, Blok C dan D serta Rumah Pangsa Rasah Jaya. Saya juga menyeru Ahli-Ahli Majlis dan Pembantu Ahli Majlis supaya terus menyantuni penduduk-penduduk di bawah JMB supaya diberi perhatian terhadap aduan-aduan yang dikemukakan.

Sumber : Unit COB

LAWATAN KEMASKINI PRODUK PELANCONGAN

12. Pada 3 Mac 2022, satu lawatan kemaskini dan pemutihan produk pelancongan daerah Seremban. Lawatan telah diadakan ke beberapa lokasi pelancongan yang mempunyai potensi untuk dikunjungi oleh para pelancong yang bertandang ke daerah Seremban. Di antara produk pelancongan yang dilawati iaitu :-
 - i. Nabila Agro Farm ;
 - ii. Jalan Temiang – Pantai ;
 - iii. Jelatok Farm ;
 - iv. Rumah Undang ke-7 (Kampung Pantai) ; dan
 - v. Agro Wood Broga (Lenggeng)

13. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng dan Pengarah Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan Majlis Bandaraya Seremban turut hadir semasa lawatan tersebut.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan

SESI PENGGAMBARAN BAGI SEGMENT MEH SINGGAH DULU TV AL-HIJRAH DI PRODUK PELANCONGAN DAERAH SEREMBAN

14. Pada 8 Mac 2022 sehingga 9 Mac 2022, program travelog Meh Singgah Dulu oleh TV Al Hijrah telah mengadakan penggambaran yang dihoskan oleh Personaliti TV Shahir AF bagi mempromosikan produk pelancongan di daerah Seremban. Antara lokasi penggambaran tersebut ialah :-
- i. Taman Rekreasi Air Seremban ;
 - ii. Galeri DiRaja Tuanku Ja'afar ;
 - iii. Rumah Undang ke-7 (Kampung Pantai) ;
 - iv. Lorong Seni Seremban ;
 - v. Jejak Warisan Seremban ;
 - vi. Masjid Sri Sendayan ;
 - vii. *Colors Of Negeri Sembilan* ;
 - viii. Pokok Getah Tertua
15. Turut hadir semasa penggambaran Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban dan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan Majlis Bandaraya Seremban.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan

PROGRAM BACAAN YASSIN SEMPENA ULANGTAHUN KEDUA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (BIL.2/2022)

16. Pada 10 Februari 2022, satu Majlis Program Bacaan Yassin Sempena UlangTahun Kedua Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan di Masjid At-Taufiqiah, Taman Pinggiran Senawang. Majlis ini telah dihadiri oleh saya dan Setiausaha MBS. Selain itu, program ini juga mendapat penyertaan yang menggalakkan dan kerjasama yang baik daripada penduduk setempat dan pihak Pentadbiran Masjid. Program ini juga secara tidak langsung dapat mengeratkan ukhwah penduduk bersama Majlis Bandaraya Seremban dan membincangkan permasalahan penduduk setempat. Saya juga menyeru semua Ketua Jabatan dan Ketua Unit mengambil tindakan ke atas semua permasalahan dan juga aduan penduduk.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan

PERLAWANAN AKHIR PERTANDINGAN BOLA SEPAK PIALA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

17. Pertandingan Bola Sepak Piala Datuk Bandar anjuran Majlis Bandaraya Seremban telah mula diadakan pada 7 Februari 2022 dengan menyaksikan seramai 32 buah pasukan yang bertanding di peringkat kumpulan. Perlawanan ini berlangsung di 6 peringkat seperti berikut :-

- i. Peringkat Kumpulan (Minggu 1 – Minggu 4) ;
 - ii. Peringkat Kumpulan Kedua (Minggu 5) ;
 - iii. Peringkat Suku Akhir (Minggu 6) ;
 - iv. Peringkat Separuh Akhir (Minggu 7) ;
 - v. Peringkat Penentuan Tempat ke-3 & 4 (Minggu 8) ;
 - vi. Perlawanan Akhir (Minggu 9)
18. Perlawanan Akhir Pertandingan Bola Sepak Piala Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban pada 25 Mac 2022 di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi. Pertandingan ini telah dimenangi oleh Pasukan Dusun Neo FC dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM10,000.00 beserta piala pusingan dan piala iringan. Naib johan pula jatuh kepada pasukan Kg. LBJ FC dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM7,000.00 beserta medal.
19. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturahim di antara penduduk-penduduk taman di bawah kawasan Pentadbiran Majlis. Selain daripada itu, pertandingan ini juga dapat meningkatkan semangat kesukanan di antara warga Bandar Raya. Pertandingan ini juga adalah untuk menggalakkan warga Bandar Raya menjalani kehidupan yang sihat melalui program komuniti yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Seremban. Saya meminta Jabatan berkenaan dapat memastikan pertandingan akan datang penyertaan pasukan perlulah daripada pelbagai kaum bagi sesuatu pasukan bagi mewujudkan suasana yang harmoni.

Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan

INTEGRITI

20. Warga Bandaraya Seremban termasuk Ahli Majlis dan Pembantu Ahli Majlis memainkan peranan penting dalam memastikan kecemerlangan Majlis berterusan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada warga bandar raya. Pematuhan SOP dalam melaksanakan tugas amat penting bagi mengelakkan sebarang ketidakpuasan hati pelanggan dan seterusnya memberi implikasi kesan buruk kepada imej Majlis Bandaraya Seremban.

21. Saya menyeru warga Bandaraya Seremban dan yang ada di dalam mesyuarat hari ini agar sentiasa mengamalkan integriti semasa bertugas mahupun kehidupan seharian. Integriti bermaksud suatu kualiti dan ciri positif yang wujud secara keseluruhan pada individu mahupun agensi. Sehubungan dengan itu, integriti dalam perkhidmatan awam terutamanya tidak hanya terhad terhadap isu rasuah, tetapi ianya berkaitan dengan pematuhan sistem dan prosedur kerja. Malah ia juga meliputi semua aspek budaya kerja seperti menjalankan tugas dengan penuh komited, penggunaan masa bekerja yang optimum dan hubungan kerja yang harmoni dalam sesebuah organisasi.

Sumber : Unit Integriti

NOTIS TENDER MEMBELI 2 LOT TANAH KOSONG MILIK MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN LOT 23028, GRN 126565 DAN LOT 24338 SEKSYEN 2, GRN 273549, PEKAN BUKIT KEPAYANG DAERAH SEREMBAN, N.SEMBILAN

22. Majlis Bandaraya Seremban telah menyiarkan iklan berhubung cadangan penjualan 2 lot tanah milik Majlis di Taman Permai secara tender terbuka dalam akhbar pada 2 Mac 2022. Tarikh tutup tender tersebut adalah pada 28 Mac 2022 jam 12.00 tengah hari.

23. Dokumen tender tersebut dibeli mulai 7 Mac 2022 sehingga tarikh tutup pada 28 Mac 2022 di Lobi Wisma, MBS dengan harga RM50.00. Tender ini dibuka kepada semua individu dan syarikat dipelawa untuk menyertai tender tersebut. Setiap tawaran tender hendaklah disertakan wang pertaruhan bernilai RM5,000.00 dalam bentuk wang pos / kiriman wang / draf bank atas nama Majlis Bandaraya Seremban. Petender yang berjaya boleh menggunakan wang pertaruhan sebagai sebahagian daripada deposit 3% yang dikenakan semasa menandatangani surat setuju terima. Manakala bagi deposit sebanyak 7% hendaklah dijelaskan semasa urusan menandatangani perjanjian jual beli.

Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

PENGURUSAN TEMPAT LETAK KENDERAAN DAN BAS DI TERMINAL 1

24. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Seremban telah mengambil alih pengurusan tempat letak kenderaan dan bas di Terminal 1, Seremban berkuatkuasa 1 Mac 2022 sehingga ke satu tarikh yang akan diputuskan kelak.
25. Pengambilalihan ini susulan daripada terdapat beberapa isu berkaitan hal-hal yang tidak dapat dielakkan dan selain daripada faktor ekonomi yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.
26. Buat masa ini Pentadbiran Majlis menempatkan seramai 75 orang kakitangan secara bergilir-gilir untuk kerja-kerja kutipan bayaran tempat letak kenderaan dan bas secara manual iaitu 2 orang anggota penguatkuasa, 4 orang kakitangan kerja-kerja pembersihan dan 3 orang kakitangan elektrik mulai jam 5.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah malam.
27. Sehubungan dengan itu, jika terdapat sebarang masalah dan isu yang berlaku di Terminal 1 boleh terus hubungi Majlis ditalian 06-765 4758 pada waktu pejabat atau dapatkan bantuan daripada kakitangan yang bertugas di kawasan tersebut.

Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

BENGGEL PENYELESAIAN ADUAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

28. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Bengkel Penyelesaian Aduan Prosedur Operasi Standard (SOP) Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) pada 29 Mac 2022 di Klana Resort Seremban. Bengkel ini telah dihadiri oleh Setiausaha MBS, Ahli-Ahli Majlis dan Pembantu Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban, Pengarah Biro Pengaduan Awam Melaka/N.Sembilan dan Pihak SWCorp Negeri Sembilan.
29. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk menyampaikan Penyelesaian Aduan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digunakan oleh Jabatan-Jabatan Majlis Bandaraya Seremban kepada Ahli-Ahli Majlis dan Pembantu Ahli Majlis supaya perkara ini dapat disampaikan dan dihebahkan kepada warga bandar raya Seremban.
30. Saya berharap dengan adanya bengkel ini warga bandar raya Seremban lebih memahami prosedur penyelesaian aduan oleh Majlis Bandaraya Seremban.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

PELAPORAN AKTIVITI JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

31. Sehingga 28 Februari 2022, sebanyak 145 kes demam denggi dan tiada kes kematian dilaporkan oleh Jabatan Kesihatan Daerah Seremban. Majlis telah menjalankan aktiviti kawalan *fogging* ke atas 12,164 premis, ULV 17,459 premis, *larvaciding* 8 lokaliti, *source reduction* 8 lokaliti dan telah mengadakan gotong royong di 15 taman perumahan. Majlis juga telah mengadakan sebanyak 83 sanitasi dan 90 disinfeksi sehingga Februari 2022.
32. Majlis juga telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam bagi jalan-jalan JKR dengan menggunakan peruntukan MARRIS mulai 1 Disember 2021 sehingga 30 November 2022. Lokasi yang terlibat seperti dilampiran 1.
33. Majlis telah siap melaksanakan kerja-kerja pembersihan di atas tanah SUK iaitu di Balai Penghulu Lenggeng, Rumah Kelab Taman Sri Rahang, Green Technology Park, S2 dan Galeri DiRaja kecuali di Bukit Temiang kerana Majlis sedang menunggu peruntukan daripada pihak SUK.

34. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima aduan daripada beberapa pihak mengenai kelewatan pembukaan tanah perkuburan Islam Senawang di Forest Heights. Tanah perkuburan tersebut sepatutnya siap pada 17 Februari 2022 tetapi pembukaan tanah tersebut terpaksa ditunda disebabkan beberapa faktor.
35. Walaubagaimanapun setelah berlaku isu air bertakung di tapak sedia ada pihak Majlis telah menimbangkan untuk menggunakan kaedah *platform* sebagai tapak perkuburan berbanding tapak perkuburan berkecerunan rendah. Penukaran kaedah ini telah menyebabkan berlaku perlanjutan masa kerja oleh pihak kontraktor. Selain itu, projek ini juga terjejas akibat cuaca yang sering hujan sejak kebelakangan ini.
36. Sehubungan dengan itu, tanah perkuburan Islam Senawang telah dibuka pada 7 Mac 2022.
37. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan pameran Seremban Bebas Plastik di Lobi Wisma MBS pada 16 Mac 2022 yang lalu. Kumpulan sasaran adalah pelanggan-pelanggan yang datang berurusan di Majlis Bandaraya Seremban, warga Bandaraya Seremban dan peniaga-peniaga kiosk Majlis.

38. Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Bazar Ramadhan bil.2/2022 telah diadakan pada 24 Februari 2022 bagi memilih penganjur bagi bazar ramadhan. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 7 orang Ahli MAJlis, 5 orang ahli jawatankuasa dan 7 orang pemerhati terdiri daripada Pusat DUN. Hasil keputusan mesyuarat telah memilih 41 penganjur bagi 44 lokasi yang telah ditetapkan. Manakala bagi tapak bazar Aidilfitri pula, sebanyak 9 penganjur telah terpilih bagi 11 lokasi yang telah ditetapkan.
39. Majlis penyerahan surat lantikan kepada penganjur telah diadakan pada 10 Mac 2022 dan satu taklimat mengenai syarat-syarat yang perlu dipatuhi serta sesi penerangan telah disampaikan kepada semua penganjur telah diadakan. Sesi ini turut dihadiri oleh Ahli Majlis Kawasan, Tuan Setiausaha MBS dan agensi teknikal berkaitan.
40. Selepas lantikan dilakukan, Majlis telah menerima pelbagai aduan mengenai harga tapak yang ditawarkan oleh penganjur terlalu tinggi dan permohonan tapak telah penuh dalam masa yang singkat terutamanya bagi penganjuran bazar Aidilfitri di kawasan *hotspot*. Sehubungan dengan itu, Majlis telah memaparkan senarai nama dan nombor telefon penganjur serta harga tapak yang telah ditetapkan oleh Majlis di kaunter jabatan dan laman sosial rasmi MBS bagi memudahkan peniaga yang berminat boleh hubungi penganjur.

41. Majlis juga telah mengadakan perjumpaan bersama-sama dengan 4 penganjur bazar Aidilfitri di Dataran Senawang dan Bandar Prima Senawang yang terpilih pada 15 Mac 2022 bagi menjelaskan semula syarat-syarat yang perlu dipatuhi terutamanya bagi penetapan harga tapak. Majlis telah meminta penganjur menaikkan banner yang memaparkan maklumat penganjur di sekitar kawasan bazar. Perjumpaan ini telah disampaikan oleh Setiausaha MBS bersama-sama dengan Ahli Majlis Kawasan. Saya menyeru Ahli Majlis dan Pembantu Ahli Majlis membantu perjalanan bazar Ramadhan dan bazar Aidilfitri supaya berjalan dengan lancar.

Sumber : Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran

PENUTUP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

42. Malaysia akan beralih ke fasa endermik mulai 1 April 2022. Fasa peralihan endermik merupakan '*exit strategy*' untuk membolehkan kita semua kembali semula kepada kehidupan yang hampir normal selepas hampir dua tahun berperang dengan COVID-19. Walaupun kita bakal beralih ke fasa endermik di mana lebih banyak Prosedur Operasi Standard (SOP) dilonggarkan, saya meminta semua masih patuh kepada SOP yang telah ditetapkan. Amalkan gaya hidup yang sihat dengan amalan norma baharu iaitu mengelakkan 3S iaitu elakkan kawasan sesak (*crowded places*), kawasan sempit (*confined*

spaces) dan elakkan sembang dengan jarak yang dekat (*close conversations*). Kita juga digalakkan untuk mengamalkan 3W iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai alat pelitup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam dan jika bergejala (*wear*) dan mengambil berat akan amaran dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bersifat peringatan (*warn*).

43. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan selamat menyambut menjalani ibadah puasa dan ibadah-ibadah sunat yang lain sepanjang bulan Ramadhan Al-Mubarak kali ini. Semoga kita semua terus dikurniakan kesihatan yang baik dan segala amal ibadah yang kita lakukan di sepanjang bulan yang mulia ini diterima oleh Allah SWT.

Sekian, terima kasih

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
22 FEBRUARI 2022